

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HGM 331 Geografi Bandar

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam SATU(1) muka surat

Jawab **EMPAT(4)** soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Bincangkan pendapat yang mengatakan bahawa terdapat satu hubungjalin yang erat di antara tahap perbandaran dengan tahap pembangunan ekonomi sesebuah negara.
2. Huraikan secara ringkas ciri-ciri penting teori Petempatan Pusat Christaller dan jelaskan pengaruh-pengaruh yang boleh mengubah hierarki petempatan pusat di dalam sesebuah negara.
3. Bincangkan pendapat yang mengatakan bahawa tidak ada kaitan di antara jenis taburan saiz-bandar dengan tahap perbandaran sesebuah negara.
4. Jelaskan perbezaan peranan konsep sewa dalam teori gunatanah bandar menurut pengkaji-pengkaji Marxist dan bukan Marxist.
5. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu huraikan punca-punca pengasingan kawasan kediaman di sesebuah bandar.
6. Bincangkan sumbangan geografi bandar ke arah usaha-usaha untuk mengurangkan masalah-masalah di bandar.
7. Binangkan unsur-unsur penting di dalam strategi untuk menyelesaikan masalah bandar di negara-negara Barat dan jelaskan sama ada strategi ini sesuai untuk dilaksanakan di negara-negara membangun.